

# Buka kampus IPT di HPTP

KUALA LUMPUR 7 Nov. - Institusi pengajian tinggi (IPT) khususnya universiti luar dipelawa membuka kampus cawangan di Hab Pendidikan Tinggi Pagoh (HPTP) yang akan dibangunkan secara inisiatif pembiayaan swasta di tapak seluas 204 hektar di Pagoh, Johor.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, perkara itu selaras dengan usaha kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi bertaraf antarabangsa.

Menurut beliau, selain universiti luar, IPT swasta (IPTS) tempatan turut sama dipelawa mengikuti jejak empat IPT awam (IPTA) iaitu Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Politeknik Pagoh yang terlibat dalam fasa pertama pembangunan HPTP.

"HPTP menjadi satu mercu tanda bahawa kita memberi perhatian utama kepada soal pembangunan modal insan. Saya dimaklumkan pembangunan HPTP mengambil masa tiga tahun dan bakal menempatkan lebih 10,000 penuntut.

"Kita harap pihak lain, universiti luar kalau berminat, membangunkan kampus di HPTP. UTHM sudah memulakan kampus sementara di situ," katanya.

Beliau menyatakan demikian selepas majlis menandatangani perjanjian konsesi HPTP di antara Kementerian Pengajian Tinggi, Sime Darby Property Selatan Sdn. Bhd., UTM, UIAM dan UTHM di sini hari ini.